

## **KDYMM YANG DI-PERTUAN AGONG MASYHUR LIPIS SEBAGAI *GEOPARK* KEBANGSAAN**

**LIPIS, 18 JANUARI 2024** : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Pemasyhuran Lipis Sebagai *Geopark* Kebangsaan.

Seri Paduka Baginda yang berangkat tiba pada 11.45 pagi telah berkenan mendengar sembah ucapan daripada YB. Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Huang Tiong Sii, dan YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail.

Baginda dalam majlis berkenaan turut berkenan menandatangani plak dan gimik perasmian selepas melihat persembahan tayangan montaj pemasyhuran *geopark* kebangsaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam majlis berkenaan turut berkenan mencemar duli berangkat melawat ruang pameran serta kawasan *Tree Top Walk*.

Turut hadir, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Haji Yaacob; YB. Penasihat Undang-undang Negeri Pahang, Dato' Saiful Edris Zainuddin; YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar; dan barisan exco Kerajaan Negeri Pahang.

Daerah Lipis telah diiktiraf dan diperakui sebagai Lipis *Geopark* pada 9 November 2023 dengan keluasan 5,408 kilometer persegi meliputi keseluruhan daerah Lipis di Negeri Pahang melibatkan 28 tapak warisan geologi, 18 tapak warisan budaya, dan 6 tapak warisan biologi dan merupakan *Geopark* Kebangsaan terbesar di Malaysia buat masa ini.

Pelaksanaan Lipis *Geopark* ini adalah selari dengan draf perancangan *Blueprint* Pahang.

Destinasi Warisan Dunia (2024-2028) untuk menjadikan Pahang sebagai destinasi bertaraf dunia bagi pengiktirafan tapak berjenama UNESCO di bawah kategori *World Heritage Site* (WHS), *Man and Biosphere Reserve* (MAB), dan UNESCO *Global Geopark* (UGGp). – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Ain Nadhirah Basha**

**Foto : Farizul Hafiz Awang**

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**